

# Wanita warga asing tinggal lebih tempoh didenda dan diusir

**MIRI:** Seorang wanita warga asing didenda RM10,000 atau empat bulan penjara oleh Mahkamah Sesyen setelah mengaku bersalah tinggal di negeri ini melebihi tempoh sah dibenarkan.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh supaya dirujuk ke Jabatan Imigresen untuk tujuan pengusiran.

Dimacale Lilibeth, 50, dari Filipina, telah didakwa mengikut Seksyen 15 (1) (c) Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002) dan dihukum di bawah Seksyen 15 (4) akta yang sama.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara lima tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, tertuduh telah ditahan sekitar jam 9.20 malam, 16 November lalu di sebuah pusat penjagaan kecantikan dan kesihatan di tingkat bawah sebuah bangunan di Blok 9 MCLD di sini untuk tujuan pemeriksaan kerana dipercayai warga asing.

Hasil pemeriksaan yang dilakukan mendapati tertuduh merupakan warga negara Filipina dan masih tinggal di negeri ini setelah pas lawatan sosial yang dikeluarkan kepadanya tamat tempoh sah.

Berikutan itu, tertuduh telah ditangkap dan dibawa ke balai polis untuk tindakan lanjut.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Jonathan Lim di hadapan Hakim Azreena Aziz, manakala tertuduh tidak diwakili peguambela.